



UiTM@Media **2016**



Siswa Cemerlang



UiTM@Media
2016

UiTM ke suku akhir Debat Universiti Dunia

» *IPT pertama
Asia layak
teruskan
persaingan
kategori terbuka*

Oleh Khairul Azran Hussin
khaiazr@bh.com.my

► **Shah Alam**

Pasukan debat Universiti Teknologi MARA (UiTM) mencipta sejarah apabila menjadi universiti pertama dari rantau Asia mara ke pusingan suku akhir Kejohanan Debat Universiti Dunia (WUDC) di Thessaloniki, Greece.

UiTM yang diwakili Mohd Mizal Mohd Murshid Kieron dan Jasmine Ho Abdullah memperolehi 23 mata pada peringkat saringan kategori terbuka, sekali gus layak bersaing di pusingan suku akhir yang dijadualkan berlangsung hari ini.

Pemangku Naib Canselor, Prof Dr Abdul Rahman Omar, berkata UiTM berjaya mengatasi lebih daripada 400 pasukan debat uni-

versiti terkemuka lain seperti Cambridge, Oxford dan Yale.

Pencapaian bersejarah

"Pencapaian ini sangat bersejarah kerana ini adalah kali pertama pasukan dari Asia berjaya mendapat pungutan mata dan kedudukan setinggi ini.

"Tahun lalu, pasukan debat UiTM juga berjaya mengharumkan nama negara dengan memenangi pertandingan Kategori

*Pencapaian ini
sangat bersejarah
kerana ini adalah
kali pertama
pasukan dari Asia
berjaya mendapat
pungutan mata
dan kedudukan
setinggi ini"*

Abdul Rahman Omar,
Pemangku Naib Canselor
UiTM

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

Terbuka Pertandingan Debat Antara Universiti Cambridge (Cambridge IV) di United Kingdom pada November tahun lalu,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Abdul Rahman berkata, seluruh warga UiTM mengucapkan tahniah atas kejayaan itu dan berdoa semoga kedua-dua pendebat universiti itu akan memperoleh kejayaan yang lebih tinggi dalam kejohanan berkenaan.

Sementara itu, bekas Naib Canselor UiTM, Tan Sri Dr Sahol Hamid Abu Bakar, berkata beliau mengenali secara peribadi kedua-dua pendebat UiTM itu, yang juga pelajar undang-undang.

Tahap keyakinan tinggi

“Saya berjumpa dengan kedua-dua pelajar selepas kejayaan di Cambridge pada tahun lalu dan tahap keyakinan mereka adalah tinggi. Malah, mereka juga menyuarakan keyakinan untuk sekali lagi melakar kejayaan dalam WUDC.

“Kejayaan ini turut didorong oleh sokongan pensyarah, bekas pelajar dan semua warga UiTM bagi membuktikan universiti ini adalah di antara yang terbaik pada peringkat global,” katanya.



Mohd Mifzal bersama Jasmine Ho.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

